



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 17 DISEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PERANGI ORANG TENGAH PERLU KERJASAMA SEMUA - MAFI, NEGARA, KOSMO -18 KURANGKAN PENGARUH ORANG TENGAH, NASIONAL, SH -23	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	STATUS HALAL LOJI AYAM THAILAND, CHINA SAH, LOKAL, HM -19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4. 5. 6. 7.	ANTARA IKAN ASING YANG MENGANCAM HABITAT IKAN TEMPATAN, IKAN ASING ANCAM SUNGAI MALAYSIA, SH -15 SUNGAI PERAK, SUNGAI JOHOR DIANCAM IKAN ASING, IKAN ASING ANCAM SUNGAI MALAYSIA, SH -14 SENARAIKAN 16 SPESIES BAHAYA TINDAKAN TEPAT, IKAN ASING ANCAM SUNGAI MALAYSIA, SH -14 BOLEH DIDENDA, DIPENJARA BELA IKAN ASING, IKAN ASING ANCAM SUNGAI MALAYSIA, SH -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	NAFAS RUGI RM260 JUTA AKIBAT KENAIKAN HARGA BAJA, RACUN, BISNES, SH -31	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

17/12/2021

KOSMO

NEGARA

18

Perangi orang tengah perlu kerjasama semua – MAFI

KUALA LUMPUR – Usaha memerangi orang tengah yang menyumbang kepada kenaikan harga barangan keperluan harian memerlukan kerjasama semua pihak termasuk peladang, peternak, petani dan nelayan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, pihaknya telah melakukan pelbagai program bagi memutuskan rantaian kegawatan terhadap orang tengah termasuk bantuan dana.

"Kita memberi ruang dan dana kepada mereka untuk menggunakan dana tersebut bagi mengelakkan mereka terlalu bergantung kepada orang tengah.

"Orang tengah ini sudah lama wujud dan berada di semua sektor, mereka mempengaruhi produk agro makanan seperti racun, makanan ternakan dan baja yang menyebabkan harga pengeluaran meningkat naik," katanya pada sidang akhbar di Ibu



rangan ini tidak diambil menerusi perspektif pengguna atau pembeli sahaja tetapi golongan yang terlibat seperti penternak, peladang dan petani bagi memastikan kabajikan mereka terjaga.

"Setakat ini, kerajaan menerusi Kementerian Terlibat telah membina lebih 100 pusat pengumpulan hasil pertanian di seluruh negara," jelasnya.

Katanya, usaha berterusan tersebut telah diwujudkan menerusi FAMA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Sementara itu, mengulas mengenai MoU berkenaan, Ronald berkata, FAMA dijangka akan membekalkan makanan kepada 60 buah kapal milik AORR.

"Menerusi kerjasama ini, FAMA dijangka membekalkan kepada 60 buah kapal pada tahun 2022 yang beroperasi di Lautan Hindi dengan nilai potensi sebanyak RM3 juta atau RM50,000 untuk setiap kapal," jelasnya.

RONALD (tiga dari kiri) menyaksikan pertukaran MoU antara Ketua Pegawai Eksekutif FAMA, Fadzil Aziz Mohamed (dua kiri) dengan Pengerusi AORR, Simon Pua (dua kanan) di LPP, Kuala Lumpur semalam.

Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini semalam. Terdahulu, Ronald menyaksikan majlis memorandum persahaman (MoU) antara Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan syarikat perusahaan laut dalam tua, Alpha Ocean Resources Berhad Group (AORR).

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Perse-

kutuan (FAMA), Datuk Mohd. Fasih Mohd. Fakh dan Pengerusi AORR Group, Datuk Muhammad Abdullah.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, isu kenaikan harga ba-

17/12/2021

SINAR
NASIONAL
HARIAN

23

Kurangkan pengaruh orang tengah

Perlu kerjasama semua pihak termasuk dalam kalangan petani, penternak dan nelayan

Oleh NUR IFITTAH ROZLAN

KUALA LUMPUR

Mengurangkan pengaruh orang tengah dalam sektor agromakanan adalah usaha bersepadu di peringkat pengeluar, penanam, penternak dan nelayan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengesyorkan pelbagai program bantuan dana kepada petani, penternak serta nelayan menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun)

Nasional bagi menyediakan ruang pemasaran dan dana kepada mereka.

"Jadi, mereka seharusnya menggunakan dana ini dan tidak berganung kepada orang tengah."

"Usaha mengurangkan pengaruh orang tengah dalam rantaian pemasaran sektor agromakanan perlukan kerjasama semua pihak termasuk dalam kalangan petani, penternak dan nelayan," katanya ketika menghadiri Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara FAMAC Corporation Sdn Bhd (FAMACorp) dan Syarikat Alpha Ocean Resources Berhad Group pada Khamis.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ada pihak yang sengaja mengambil peluang untuk meningkatkan harga bekalan makanan di pasaran.

"Kita tahu peranan orang tengah yang mempengaruhi harga pasaran produk agromakanan negara, apatah lagi ketika input barangan pertanian, contohnya



Ronald (tengah) melihat barangan makanan yang dibekalkan kepada operator perkapalan ketika hadir pada Majlis Menandatangani MoU antara FAMACorp dan Syarikat Alpha Resources Berhad Group di Kuala Lumpur pada Khamis.

racun, makanan ternakan dan baja ketika ini meningkat tinggi menyebabkan kos pengeluaran meningkat.

"Justeru, semua pihak harus bekerjasama dan ber-

dan jabatan di bawah Kementerian berusaha mengurangkan pengaruh orang tengah. Sebab itu, kita lihat peranan FAMA dan Lembaga Pertubuhan Peladang mewujudkan lebih 100 pusat pengumpulan hasil pertanian di seluruh negara," ujar beliau.

Sementara itu, Ronald berkata, kerjasama tersebut adalah persefahaman yang akan mewujudkan ruang perniagaan baharu bagi FAMACorp dan pertubuhan peladang kawasan.

Menurutnya, ia melibatkan pembekalan barang basah seperti ikan, ayam dan sayur serta makanan proses yang akan dibekalkan kepada beberapa buah kapal tuna di bawah AORR Group.

"Pada 2 November lalu, FAMACorp telah membuat pra-bekalan stok bekalan makanan kepada AORR Group berjumlah RM35,000 membabitkan dua buah kapal tuna melibatkan 56 Stock Keeping Unit (SKU)," jelas beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2021	HARIAN METRO	LOKAL	19

Status halal loji ayam Thailand, China sah

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengesahkan semua sembilan loji ayam di Thailand dan dua dari China yang tersenarai di laman sesawang DVS masih sah status kelulusan eksport ke Malaysia.

Dalam kenyataan bersama dikeluarkan semalam, agensi itu memaklumkan kelulusan lanjutan status eksport loji berkenaan dipersetujui dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan Abatoir dan Loji Pemprosesan Luar Negara (JTPALLN) yang bersidang pada 29 Mei 2020.

Katanya, JTPALLN dianggotai pegawai DVS, Jabatan Perkhidmatan

Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Jakim serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

“Pengawasan halal ke atas loji yang diberi kelulusan mengimport ayam ke Malaysia dari Thailand dipantau dan diselia badan pengesahan halal luar negara yang diiktiraf Jakim iaitu *The Central Islamic Council of Thailand (Cicot)*.

“Tempoh sah pengiktirafan Jakim ke atas Cicot bermula 6 September 2021 hingga 31 Disember 2023.

“Pengiktirafan badan pensijilan halal *Shandong Halal Certification Service (SHC)* sebagai badan diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)

bermula 23 Januari 2020 hingga 23 Januari 2022,” katanya.

Tempoh sah pengiktirafan Jakim ke atas Cicot bermula 6 September 2021 hingga 31 Disember 2023

17/12/2021

SINAR
HARIAN

IKAN ASING 15

ANCAM SUNGAI
MALAYSIA

ANTARA IKAN ASING YANG MENGANCAM HABIBAT IKAN TEMPATAN

MYLOSSOMA (SILVER DOLLAR)

- Berasal dari sungai di Amerika Selatan. Termasuk dalam keluarga Characidae, keluarga yang sama dengan pirana dan pacu.

**PRISTOBRYCON (PIRANA)**

- Berasal dari perairan Amazon dan sungai-sungai lain di Amerika Selatan. Keluarga Piranha mempunyai lebih dari 60 spesies ikan.

**CICHLA (PEACOCK BASS)**

- Berasal dari sungai amazon, Amerika Selatan
- Bersifat karnivor dan cepat membiak

**CICHLASOMA (FLOWER HORN)**

- Bermula dengan baka Flower Horn pertama, sering disebut Luo Han.
- Sangat agresif dengan ikan lain dan jangka hayat hanya antara 8-12 tahun.

**ACIPENSER (STURGEON)**

- Mendiami perairan sub-tropika dan juga sub-artik di Amerika Utara dan Eurasia.

**ARAPAIMA**

- Ikan air tawar terbesar berasal dari Amerika Selatan.
- Dibuang ke tasik atau perairan negara kerana ikan yang cepat membesar dan agresif

**ESOX**

- Spesies terbesar merangkumi utara Amerika Utara dari Eropah barat ke Siberia dalam Eurasia
- Ikan pemangsa yang berbentuk memanjang, berbentuk torpedo dengan kepala tajam dan gigi tajam.

**ALLIGATOR GAR**

- Berasal dari Amerika Utara
- Mirip seperti seekor buaya dan boleh membesar sehingga 68kg atau lebih

**PACU**

- Spesies ikan Pacu omnivor air tawar di Amerika Selatan yang bersaudara dengan spesies Pirana.

**BAUNG EKOR MERAH**

- Baung ekor merah atau 'Baung Mekong' atau 'Redtail Catchfish' berasal dari Sungai Mekong dan dilaporkan berada di Malaysia semenjak 5 tahun lalu.
- Ikan ini berkemungkinan dibawa masuk secara tidak sah.
- Mampu membesar berukuran sehingga 130 cm (51 inci) dengan berat maksima mencecah 80 kilogram.

**CHERAX DESTRUCTOR (YABBY, LOBSTER SEPIT MERAH)**

- Berasal dari Australia dan Papua New Guinea
- Tumbesaran yang cepat, tahan lasak dan cepat membiak



TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

17/12/2021

SINAR HARIAN

IKAN ASING ANCAM SUNGAI MALAYSIA

14

Ikan baung ekor merah, udang kara air tawar dan ikan bandaraya kini makin bermaharajalela di sungai Malaysia

Sungai Perak, Sungai Johor diancam ikan asing

Oleh MUHAMMAD ARHAM RAMLI

SHAH ALAM

Undang-undang dan penguatkuasaan perlu selaras dan serius dalam membendung masalah penceroiban ikan pendatang bagi terus menyelamatkan spesies ikan tempatan.

Pengkaji bebas, Mohd Ilham Norhakim Lokman berkata, penceroiban ikan pendatang memberi impak negatif dan masalah besar kepada spesies tempatan.

Menurutnya, kini spesies yang kian mengancam ikan tempatan adalah baung ekor merah yang di-

bawa masuk dari Sungai Mekong dan impaknya boleh dilihat di Sungai Perak.

"Itu memang masalah besar dan perkara itu telah berlaku sejak dua hingga tiga tahun lepas.

"Selain baung ekor merah, spesies *Cherax* (udang kara air tawar pendatang) dan ikan bandaraya antara spesies luar yang telah membiak dengan tidak terkawal seperti di Sungai Johor.

"Ikan *peacock bass* juga antara spesies yang semakin banyak khususnya di kawasan lombong dan tasik," katanya.

Mohd Ilham berkata, undang-

undang larangan mengimport ikan yang mengancam ikan tempatan tidak lagi mampu menghalang masalah itu kerana ikan pendatang itu dikesan telah dibiakkan di Malaysia.

Justeru katanya, undang-undang mem-

biak spesies ikan asing ini perlu dikaji semula.

Beliau berkata, bagi peminat ikan hiasan terutamanya ikan bersaiz luar biasa, mereka perlu memikirkan apakah tindakan yang perlu dilakukan apabila ikan dibela semakin dewasa.

"Ramai yang membuang ikan peliharaan ke perairan awam apabila mereka tidak mampu memajaganya lagi. Ini seterusnya mem-



MOHD ILHAM



Ikan-ikan asing yang merupakan pemangsa dan berada pada hierarki teratas akan mengancam hidupan lain apabila ia dilepaskan di sungai-sungai.

beri kesan kepada ekosistem asli perairan Malaysia.

"Saya harap ada undang-

undang yang digubal berkenaan isu ini dan selari dengan tindakan penguatkuasaan," katanya.

RASUAH BUSTERS

Senaraikan 16 spesies bahaya tindakan tepat

SHAH ALAM - Tindakan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyenaraikan 16 spesies ikan pendatang atau ikan asing disifatkan langkah tepat.

Pengusaha dan pengeksport ikan hiasan, Cheah Wan Leong berkata, pengusaha ikan hiasan sedia maklum berhubung senarai-senarai ikan pendatang yang tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam negara.

"Sebelum ini ada orang awam yang bertanya kepada kami untuk mendapatkan antara spesies dilarang itu.

"Mungkin mereka melihat ikan-ikan itu di media sosial dan sebagainya sebelum berminat untuk membelanya. Mereka datang ke kedai kami untuk mencari.

"Tapi perkara itu sudah dimaklumkan berkenaan larangan mengimport. Itu sudah dijelaskan oleh



Ikan peacock bass semakin banyak ditemui di kawasan lombong dan tasik kerana ia mudah membiak.

kami," katanya.

Wan Leong berkata, sebagai langkah kesedaran kepada umum, pihaknya menampal poster dan hebah di premis jualan mahu pun pejabat berkenaan senarai ikan larangan dan kesunannya.

Katanya, semua senarai ikan itu adalah tidak sesuai untuk berada di ekosistem perairan negara.

"Amat membimbangkan jika orang awam boleh memilikinya kemudian dilepaskan di longkang atau sungai. Ikan tempatan ikan terjejas," katanya merujuk kepada ikan asing yang turut dipanggil predator.

Malah, Wan Leong menyeru, pihak berkuasa agar menambah dan mengemaskini senarai terbaharu ikan yang dilarang dibawa masuk ke Malaysia kerana antara spesies ikan asing yang semakin popular kini ialah baung ekor merah.

Boleh didenda, dipenjara bela ikan asing

SHAH ALAM - Pemilik ikan diberi amaran supaya segera menghentikan perbuatan dan aktiviti melepaskan ikan pendatang ke perairan awam.

"Jika tidak mahu ikan ini serah kepada jabatan untuk tindakan nyahkan ikan tersebut dengan cara sebetulnya.

"Kita anggap hebi ini unik, mereka yang ada ikan ini mungkin boleh berbangga, tetapi saya seru agar individu-individu ini dan rakyat Malaysia agar memahami kenapa kita buat larangan membawa masuk ikan tertentu.

"Ikan ini adalah bersifat pemangsa dan kita tidak mahu ia terlepas di perairan umum.

"Individu yang memiliki ikan asing seperti ini boleh didenda tidak melebihi RM4,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import dan Segalanya bagi Ikan) 1997 (Tindakan 2011)," kata Ketua Pengerusi Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Ahmad Tarmidzi Ramli.

Dalam pada ini, beliau turut mengesyorkan teruna bahas kepada para pemancing di negara ini yang acutasa menyahut maklumat berkaitan ikan asing di perairan negara.

"Silap mereka yang menyasarkan



AHMAD TARMIDZI

penghapusan ikan asing wajar diberi pujian. Malahan penubuhan kumpulan pemancing di media sosial sangat membantu dalam penyebaran maklumat seperti etika baik pemancing, pengendalian spesies asing dan bahaya ikan-ikan ini kepada ekosistem sekitarnya ditandakan semula setelah ditangkap.

"Kepada orang awam yang mempunyai maklumat, boleh menghubungi Pejabat Perikanan Daerah terdekat atau di Pejabat Perikanan Negeri serta Pusat Komunikasi Perikanan (FISHCOM) di talian 03-8870 4058.



Laporan muka depan Sinar Harian semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2021	SINAR HARIAN	BISNES	31

Nafas rugi RM260 juta akibat kenaikan harga baja, racun

SUNGAI BESAR - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengalami kerugian RM260 juta berikutan kenaikan harga baja dan racun.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, kenaikan harga baja menyebabkan Nafas terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM200 juta.

Menurutnya, sebanyak RM60 juta lagi kerugian dialami Nafas menerusi kenaikan harga racun yang sehingga kini kedua-dua kos input pertanian itu masih belum menunjukkan tanda-tanda penurunan harga.

“Kita masih berunding dengan kerajaan tentang kerugian dialami kerana sehingga kini kita masih tidak tahu berapa lama lagi kenaikan harga baja dan racun,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40 Pertumbuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Besar di Dataran PPK Parit 1 di sini pada Khamis.

Zamri berkata, beliau difahamkan kenaikan harga baja dan racun dijangka berterusan sehingga suku pertama tahun depan.

“Jika harga baja dan racun turun sekali pun, kita jangkakan ia tidaklah terlalu murah berbanding sebelum kenaikannya,” ujarnya.

Bagaimanapun jelas beliau, kerajaan bersetuju untuk memberi bantuan kepada Nafas termasuk menampung kerugian dialami.

“Nafas akan terus membekalkan baja subsidi kepada petani mengikut harga lama seperti diperseujui kerajaan meskipun terpaksa menanggung kerugian,” katanya